

22 NOV 1996

Dr MAHATHIR HADIR PERSEMBAHAN AMAL KHAS (Dengan gambar)

KUALA LUMPUR, 22 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menghadiri persembahan amal khas Teater Muzikal Kanak-kanak "Lagenda" di Auditorium Pusat Penerangan Pelancongan Malaysia (MATIC) di sini.

Persembahan dua jam itu di bawah naungan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dianjurkan bersama oleh Akademi Seni Persembahan Classicomm (ASPEC) dan Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Wilayah Persekutuan.

Persembahan karya Allahyarham Tan Sri P Ramlee itu dijayakan oleh artis-artis Tunasbudaya di bawah arahan Siti Hajar Ismail.

Pada majlis itu Dr Siti Hasmah menerima sumbangan cek sebanyak RM10,000 daripada penganjur dan penderma.

-- BERNAMA

ES AHH